

**Sila semak semasa dilafazkan**

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PELANCARAN PERSATUAN  
DOKTOR PAKAR ISLAM MALAYSIA  
DI DEWAN TUN DR ISMAIL, PWTC  
PADA HARI KHAMIS, 14 OKTOBER 1999  
JAM 3.30 PETANG**

---

Saya amat berbangga apabila ditemui di Seri Perdana oleh beberapa orang doktor perubatan yang di ketuai oleh YBhg Dr. Haji Sidek Nontak untuk memujuk saya menjadi Penaung kepada Persatuan Doktor-doktor Pakar Islam Malaysia beberapa minggu yang lepas.

2. Cita-cita murni mereka untuk menggabungkan tenaga Doktor-doktor Islam di Malaysia ini harus di puji.
3. Sebagaimana yang telah dibincangkan oleh Saudara Presiden Persatuan, kemajuan kepada Medical Science telah berkembang dengan pesatnya di dalam dekad yang terakhir pada abad ini. Masalah-masalah yang tidak pernah wujud pada masa yang lepas akan menjadi isu penting pada masa-masa akan datang. Perkembangan di dalam sains molekular dan genetik, telah membawa kita kepada banyak kemungkinan baru dalam perubatan dan juga boleh membuka satu 'pandora's box' di mana isu etika akan menjadi lebih rumit dan tidak berkesudahan. Dengan adanya Persatuan seperti ISDAM ini akan memberi satu landasan kukuh bagi mengemblengkan tenaga doktor-doktor pakar Islam kita untuk menghayat dan membincang masalah etika mengikut syariah supaya akhirnya isu perubatan dapat di lihat dari sudut kaedah Islam.
4. Islam adalah satu agama yang universal dan menuntut penganutnya menuju ke arah kecemerlangan di dalam segala ilmu yang di tuntutan. Yang membimbangkan kita

adalah masa kini Islam dipandang sebagai satu kuasa yang melemahkan. Ini adalah tidak benar. Nilai-nilai Islam tidak serupa dengan perubatan mistikal yang terlalu tradisional. tidak seragam dan selalunya kurang optima. ISDAM perlu kini mempelopori ilmu perubatan sains dan sains moden secara khusus dan dinamik menurut lunas-lunas dan syariah Islam. Hakikat ini harus di ketengahkan oleh ISDAM.

5. Saya bangga mendengar di dalam ucapan Presiden bahawa selain dari aspek-aspek etika perubatan, ISDAM juga akan bergerak sebagai satu badan yang bertanggungjawab mempelopori kerja amal.

6. Harus diingatkan bahawa selain dari sembahyang, yang ditetapkan di dalam Islam, kerja-kerja amal yang datang dari hati yang tulus dan ikhlas adalah diwajibkan di dalam Islam.

7. Saya menyokong penuh usaha ISDAM untuk mendirikan 'Tabung Pemulihan Jantung' dan Tabung Pemulihan Buah Pinggang' bagi mengutip derma. Tabung Pemulihan Jantung' adalah untuk kanak-kanak jantung berlubang yang memerlukan pembedahan. Tabung Pemulihan Buah Pinggang' adalah untuk menolong di dalam rawatan penyakit buah pinggang.

8. Saya juga memuji usaha ISDAM untuk mendirikan Pusat Perubatan Masyarakat yang mempunyai Pusat Dialisis Buah Pinggang untuk tujuan di atas.

9. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dan masyarakat amnya menyokong kedua-dua tabung ini secara ikhlas.

10. Dengan ucapan Bismillahirrahmanirrahim, saya ingin merasmikan Persatuan Doktor Pakar Islam Malaysia atau ISDAM.